

Tahap Penerimaan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Terhadap Pembelajaran Secara *On-Line Learning* Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Nor Amalina Binti Musa¹, B. Chitthra A/P Balakrishnan¹, dan Noorhasni Binti Yaakop¹

¹Kolej Komuniti Seberang Jaya, Lot PT 2811, 2822, Lorong Desa Pauh 1, Taman Desa Pauh, 13700 Permatang Pauh, Pulau Pinang

ABSTRAK

Kajian ini bertitik tolak daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang telah membuat penjadualan semula aktiviti akademik bagi Sesi Jun 2020 ekoran gelombang ketiga wabak Covid-19 yang melanda negara kita. Justeru JPPKK telah menyelaraskan pentaksiran dan penilaian secara atas talian bermula minggu ke-8 pengajaran dan pembelajaran (PDP) bagi semester Jun 2020. Ia telah berkuatkuasa serta-merta bagi sesi pengajian Jun 2020 berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (Conditional Movement Control Order). Justeru satu kajian kuantitatif telah dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerimaan keseluruhan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap Pembelajaran Atas Talian (Online learning) di Kolej Komuniti. Tahap penerimaan pelajar telah dikaji dari aspek pengetahuan, fasiliti yang dimiliki oleh pelajar dan kecenderungan medium yang digunakan untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan strategi kajian jenis diskriptif dan inferensi berbentuk tinjauan terhadap 268 orang pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang. Keseluruhannya, skor min bagi tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap pembelajaran secara online learning sewaktu perintah kawalan pergerakan (PKP) adalah 3.56 iaitu dalam julat sederhana serta tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan taburan program yang ditawarkan di 6 buah Kolej Komuniti Pulau Pinang. Ini menunjukkan pelajar kolej komuniti masih kurang bersedia menjalani sistem pengajaran dan pembelajaran secara atas talian tanpa mengira perbezaan latar belakang program teknikal dan bukan teknikal disebabkan tidak diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya.

PENGENALAN

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 telah menggariskan revolusi industri 4.0 menerusi TVET 4.0 sebagai teras keempat bagi memperkasakan sistem pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Salah satu elemen yang dititikberatkan dalam teras strategik tersebut adalah *Technology in the 21st Century Classroom* iaitu penggunaan teknologi dalam kelas abad ke-21[14]. Seajar dengan pelan strategik tersebut, sistem pengajaran dan pembelajaran di kebanyakan politeknik mahupun di beberapa kolej komuniti telah beralih daripada kaedah tradisional yang secara bersemuka dengan menggunakan papan putih dan OHP kepada penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT). Ini kerana mengintegrasikan dan membudayakan ICT pada setiap kesempatan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mampu mempengaruhi minat dan keupayaan untuk mengubah amalan pengajaran dan pembelajaran sedia ada serta membawa amalan itu ke peringkat yang lebih berkualiti [4]. Teknologi maklumat dan komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) meliputi semua teknologi yang membantu penyampaian maklumat seperti radio, televisyen, telefon mudah alih, komputer dan internet. Internet bukan sahaja menjadi medium untuk

mendapatkan maklumat malah turut memainkan peranan dalam penyampaian informasi serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang efisien [4].

Perkembangan ICT telah memberi impak terhadap sistem pendidikan dan kesannya boleh dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa penggantian, fasa peralihan dan fasa perubahan. Dalam fasa penggantian, guru menjadikannya sebagai alat untuk sesi pengajaran dan pembelajaran tanpa mengubah kaedah pengajaran, manakala di dalam fasa peralihan, guru menggunakan ICT yang dapat merangsang perubahan kepada kaedah pengajaran yang baru. Bagi fasa perubahan pula, melibatkan perubahan asas terhadap peranan pelajar dan guru di dalam pengajaran dan pembelajaran [13]. Justeru ICT telah dijadikan sebagai medium fasa perubahan bagi pengajaran dan pembelajaran di politeknik dan kolej komuniti. Antara kaedah yang telah dilaksanakan untuk membudayakan ICT adalah pembelajaran atas talian (*online learning*) ataupun *e-learning*. Pembelajaran atas talian ini adalah bebas dan tidak terikat dengan tempoh masa pembelajaran. Ianya boleh dilakukan di mana sahaja asalkan pelajar mempunyai capaian internet.

Kaedah pembelajaran atas talian ini telah dilaksanakan secara pembelajaran jarak jauh (*Remote Learning*) di kebanyakan Politeknik dan Kolej Komuniti. Pembelajaran jarak jauh ini berlaku apabila pelajar dan pengajar, atau sumber maklumat, dipisahkan oleh masa, jarak serta tidak dapat mengadakan pertemuan secara bersemuka (*face to face*) dalam suasana kelas konvensional atas sebab-sebab tertentu. Pembelajaran jarak jauh tersebut dilaksanakan dengan menggunakan teknologi dalam talian dan media sosial. Ia akan mewujudkan suasana pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar tanpa bimbingan dan bantuan terus yang secara bersemuka daripada pensyarah. Ini kerana pelajar dan pensyarah akan terpisah secara fizikal pada kebanyakan waktu. Pelajar juga akan terpisah dengan rakan sebaya dan mereka lebih berikhtiar untuk melakukan serta menyiapkan sesuatu tugas secara bersendirian [6]. Pembelajaran jarak jauh yang dilaksanakan secara atas talian akan menjimatkan masa di mana pelajar tidak perlu hadir kuliah konvensional.

Antara teknologi dalam talian yang telah digunakan untuk memperkasakan pembelajaran atas talian secara jarak jauh adalah Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) melalui CIDOS 3.5 dan 2.5, *Google Classroom*, dan media sosial digunakan bagi perkongsian maklumat seperti *Youtube*, *Facebook*, *Whatsapp*, serta *Telegram*. Kelas maya turut dilaksanakan dengan menggunakan teknologi *Google Meet* manakala sesi perbincangan online diadakan dengan pelajar melalui *voice thread*, dan *padlet* [3]. Proses pembelajaran yang berlaku akan lebih efektif dan efisien. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi pelajar [13]. Tetapi perubahan ini adalah tidak menyeluruh dipraktikkan di semua Kolej Komuniti.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah membuat penjadualan semula aktiviti akademik bagi Sesi Jun 2020 ekoran gelombang ketiga wabak Covid-19 yang melanda negara kita. Justeru JPPKK telah menyelaraskan pentaksiran dan penilaian secara atas talian bermula minggu ke-8 PDP bagi semester Jun 2020. Ia telah berkuatkuasa serta merta bagi sesi pengajian Jun 2020 berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (*Conditional Movement Control Order*). Dalam surat edaran Makluman Pindaan Tarikh Kalendar Akademik yang bertarikh 12 November 2020 telah dinyatakan pengajaran dan pembelajaran (PDP) harus dijalankan secara atas talian bagi semua peringkat program di Kolej Komuniti dan Politeknik untuk melengkapkan hasil pembelajaran kursus penilaian pentaksiran berterusan. Menurut Chitthra, Nor Amalina dan Saiful (2020), dalam kajian mereka terhadap pembelajaran jarak jauh, mendapati ramai pelajar Kolej Komuniti menyatakan rasa tidak setuju bagi pelaksanaan PDP atas talian. Dapatan kajian turut menunjukkan skor min tahap kesediaan pelajar kolej berada dalam julat skala yang sangat sederhana dan mereka belum mampu menerima sepenuhnya sistem pentaksiran atas talian disebabkan kekangan fasiliti, dan kemahiran. Didapati pelajar juga tidak bermotivasi untuk melaksanakan penilaian berterusan atas talian disebabkan kampung halaman mereka tiada capaian internet (fasiliti) dan merumitkan mereka untuk

mengakses pentaksiraan secara online [9]. Motivasi diri adalah penting untuk meningkatkan kefahaman dan pencapaian akademik pelajar [9]. Di samping tu, analisis dapatan kajian lepas telah menunjukkan skor min kemahiran pelajar untuk menggunakan teknologi atas talian yang disarankan berada pada tahap sederhana. Tahap pengetahuan yang tinggi akan mempengaruhi tahap kesediaan pelajar dalam menggunakan kaedah pembelajaran atas talian [11] sekaligus dapat membantu meningkatkan tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah tersebut. Justeru satu kajian telah dijalankan untuk meninjau tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang dalam menyahut saranan JPPKK. Adakah pelajar Kolej Komuniti bersedia terhadap perubahan yang harus dilaksanakan?

Antara objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, fasiliti dan sistem aplikasi pilihan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning*. Selain itu, kajian ini turut meninjau perbezaan tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning* bagi pelajar teknikal dan bukan teknikal dan perbezaan tahap penerimaan pelajar terhadap *online learning* mengikut kolej. Justeru, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- H₁: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning* bagi pelajar teknikal dan bukan teknikal
- H₂: Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penerimaan pelajar terhadap *online learning* mengikut kolej

Batasan kajian adalah hanya melibatkan pelajar- pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang sahaja dan memfokuskan terhadap tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Kajian ini juga dijalankan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di laksanakan di Pulau Pinang dan sewaktu pembelajaran secara online mula diimplementasikan di kolej komuniti. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menggariskan Pelan Strategik 2018-2025 pada teras keempat iaitu revolusi industri 4.0 menerusi TVET 4.0 dengan dititikberatkan penggunaan teknologi dalam kelas abad ke-21 [14]. Seajar dengan pelan strategik tersebut, kebanyakan kursus di peringkat Politeknik mahupun beberapa kursus di Kolej Komuniti telah pun diterapkan pembelajaran atas talian sebagai komponen wajib dalam penilaian kursus [3]. Maka pembelajaran atas talian tersebut harus lebih diperkukuhkan dan dilaksanakan secara menyeluruh di setiap Politeknik dan Kolej Komuniti untuk memacu era Revolusi Industri 4.0. Ia adalah seiring dengan kemajuan inovasi digital, disamping penggunaan internet secara meluas dalam penyebaran maklumat bagi melahirkan generasi TVET yang unggul [13]. Justeru kajian ini dapat membantu warga Kolej Komuniti mahupun di peringkat jabatan untuk menambah baik kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran dengan mengubahsuai teknik serta kaedah mengajar yang menggunakan teknologi atas talian di masa hadapan. Dapatan kajian ini boleh membantu pihak JPPKK untuk menyemak semula silibus Kolej Komuniti bagi menerapkan elemen pembelajaran atas talian sebagai satu subjek ataupun komponen wajib dalam penilaian bagi setiap program disamping memberi peruntukan yang secukupnya untuk melatih diri pelajar melalui kursus-kursus *inhouse* dengan kemahiran-kemahiran yang menjurus kepada pembelajaran atas talian. Dengan ini pembelajaran atas talian dapat diperkasakan dan boleh dilaksanakan secara menyeluruh tanpa sebarang kekangan ketika kecemasan misalnya sewaktu penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (*Movement Control Order*) Covid-19 seperti situasi kini.

SOROTAN KAJIAN

Pengetahuan Terhadap Online Learning

Antara factor-faktor utama yang harus diambil kira dalam menentukan tahap penerimaan pelajar terhadap e-learning adalah faktor sikap, pengetahuan dan motivasi [11]. Kajian tersebut menyatakan, tahap pengetahuan yang tinggi akan mempengaruhi tahap kesediaan pelajar dalam menggunakan pembelajaran secara *online learning*. Kajian lain yang turut menyokong pernyataan ini, di mana pelajar yang kurang pengetahuan dan kurang berkemahiran untuk menggunakan teknologi bagi tujuan *online learning* mempunyai nilai min yang rendah [2].

Fasiliti/Peranti Online Learning

Bagi melancarkan lagi proses PdP secara atas talian, perkara yang perlu di pertimbangkan adalah peranti yang digunakan dan kemudahan capaian internet [2]. Kemudahan capaian internet yang baik mempengaruhi tahap penerimaan pelajar terhadap *online learning* [15]. Selain itu, penguasaan terhadap penggunaan internet secara tidak langsung dapat memahirkan seseorang itu menggunakan *online learning* [1]. Tambahan lagi, pelajar yang tidak mempunyai kemahiran menggunakan internet tidak mungkin dapat melaksanakan *online learning* dengan baik.

Medium Pembelajaran

Penggunaan *WhastApp* merupakan pilihan utama pelajar dan pensyarah untuk berkongsi bahan pengajaran, termasuk video, pengajaran, nota ringkas, jalan kerja tutorial dan perbincangan topik yang kurang difahami. Manakala bagi tujuan penghantaran dan penerimaan tugas pelajar, aplikasi *Google Classroom* (GC) menjadi pilihan. Untuk tujuan bersemuka, penggunaan *Google Meet* (GM) turut menjadi salah satu pilihan [15]. Melalui GM, pensyarah akan merekod sesi pembelajaran tersebut dan akan berkongsi semula di medium GC dan *WhatsApp* untuk tujuan rujukan pelajar [15]. Selain pelaksanaan sesi PdP, sesi penilaian turut dapat dijalankan secara atas talian. Contohnya, pelajar membuat rakaman video untuk membentangkan tugas yang diberikan secara individu. Markah akan diberikan oleh pensyarah berdasarkan rubrik pemarkahan yang disediakan. Tugas juga boleh dihantar melalui medium yang bersesuaian mengikut kehendak pensyarah. Soalan-soalan juga boleh dibangunkan menggunakan aplikasi *Kahoot*, *Google Form* dan sebagainya untuk melancarkan proses penilaian pelajar dan seterusnya meningkatkan keseronokan PdP secara atas talian.

Kolej Komuniti

Sistem Kolej Komuniti di Malaysia menyediakan pelbagai kursus Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Antaranya meliputi bidang perakaunan, seni bina, pembinaan, kejuruteraan, penggambaran, keusahawanan, hospitaliti, perkhidmatan peribadi, multimedia, seni visual dan sebagainya. Kolej komuniti di Malaysia diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Kolej komuniti menawarkan empat jenis program iaitu, Sijil Kolej Komuniti, Sijil Kemahiran Khas, Diploma Kolej Komuniti dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (Kursus pendek). Pada tahun 2000, Kerajaan meluluskan cadangan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menubuhkan rangkaian institusi pendidikan di mana latihan kemahiran vokasional dan teknikal boleh disediakan di semua peringkat untuk lepasan sekolah sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Kolej komuniti juga menyediakan infrastruktur untuk komuniti luar bandar untuk mendapatkan latihan kemahiran melalui kursus pendek serta menyediakan akses kepada pendidikan pasca menengah. Sejak penubuhan 12 kolej komuniti perintis pertama telah diwujudkan pada tahun 2001 sebagai laluan alternatif kepada pelajar lepasan SPM yang memberi penekanan kepada TVET, dan bilangan kolej komuniti di seluruh negeri di Malaysia dengan pengecualian Wilayah Persekutuan, telah

meningkat kepada 100 (pada Oktober 2018) serta bakal dibuka sebanyak 6 Kolej Komuniti (cawangan). Kolej komuniti adalah sinonim dengan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana ia menyediakan pelbagai program yang berdasarkan TVET di peringkat sijil dan diploma. Penjenamaan semula kolej komuniti adalah salah satu program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) yang dilancarkan pada tahun 2006. Antara inisiatif yang diperkenalkan ialah Pembelajaran Berasaskan Kerja dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), penubuhan cawangan kolej komuniti dan penyediaan kewangan bantuan untuk pelajar kurang berkemampuan. Untuk memperkukuhkan lagi peranan Politeknik dan Kolej Komuniti, Jemaah Menteri telah meluluskan struktur penggabungan Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah satu jabatan pada 24 Mac 2017. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengesahkan struktur organisasi baru Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pada 23 Februari 2018 [5].

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian telah dijalankan dengan menggunakan strategi kajian jenis diskriptif dan inferensi berbentuk tinjauan. Melalui kaedah ini, penilaian dari segi skor min digunakan bagi mengukur tahap pengetahuan, fasiliti dan sistem/aplikasi pilihan pelajar terhadap *online learning*. Manakala, perbezaan skor min dikaji bagi mengukur objektif tahap penerimaan antara pelajar teknikal dengan bukan teknikal, dan juga bagi melihat tahap penerimaan pelajar terhadap *online learning* mengikut kolej.

Populasi Dan Sampel

Sampel kajian ini telah dipilih secara rawak iaitu seramai 268 orang pelajar terlibat yang terdiri dalam kalangan pelajar kolej komuniti Pulau Pinang. Mengikut (Jadual Krijie & Morgan 1970) [7] menyatakan bagi saiz populasi yang seramai 713 orang pelajar sampel seramai 253 memadai untuk dianalisis data.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan dengan mengambil 10 orang responden yang dipilih secara rawak sebagai sampel. Saiz sampel seramai 6-9 orang memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian [8]. Kajian rintis ini dijalankan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan yang didapati ialah 0.985 dan menunjukkan soal selidik yang dibina adalah pada aras kesahan yang tinggi. Jadual 8.1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang didapati bagi 10 orang responden.

Jadual 1 Nilai Kebolehpercayaan

Reliability Statistics	
Cronbach's Alpha	N of Items
0.985	24

Instrumen Kajian

Soal Selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengenalpasti tahap kesediaan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya terhadap pembelajaran jarak jauh (*Remote Learning*). Borang soal selidik yang telah diedarkan melalui *Google Form* dan ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i. Bahagian A -Demografi (nama kolej, program pengajian)
- ii. Bahagian B -Soalan berkaitan tahap penerimaan pelajar dari aspek pengetahuan, fasiliti dan medium pembelajaran

Bahagian A hanya perlu diisi nama kolej dan program pengajian sahaja. Manakala Bahagian B mengandungi 24 soalan, dan pelajar dikehendaki memilih jawapan berdasarkan skala likert yang diberi. Skala Likert tersebut adalah seperti aras berikut:

Jadual 2 Skala Likert yang Digunakan dalam Borang Soal Selidik

ARAS	TAHAP
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

ANALISIS DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Dapatan Skor Min Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap *Online Learning*

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 20* untuk mendapatkan skor min. Skor min tahap kesediaan dari segi aspek pengetahuan bagi 268 orang pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang dipersembahkan menggunakan jadual dan telah dikaji menggunakan analisa diskriptif. Dapatan kajian yang melibatkan skor min ditakrifkan berdasarkan kepada Sumber Landell 1977. Analisis kajian yang dijalankan pada Bahagian B adalah merujuk kepada objektif kajian 1 iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning*. Sebanyak sembilan soalan telah diajukan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar kolej komuniti. Berikut adalah dapatan skor min tersebut.

Jadual 3 Dapatan Skor Min Tahap Pengetahuan dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Terhadap *Online Learning*

Bil	Item (Pengetahuan)	Skor Min
1	Saya faham dan mempunyai pengetahuan tentang pembelajaran secara <i>online learning</i>	3.50
2	Saya mempunyai kemahiran menggunakan sistem/aplikasi untuk tujuan <i>online learning</i>	3.60
3	Saya mempunyai pengetahuan ICT	3.47
4	Saya sedar berkenaan <i>online learning</i> yang sedang diaplikasikan di kolej	3.82
5	Saya tahu bahawa saya akan ketinggalan dalam pembelajaran sekiranya tidak menggunakan medium pembelajaran jarak jauh ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19	3.97
6	Saya sedar bahawa <i>online learning</i> mempunyai banyak kelebihan	3.40
7	Saya sedar bahawa <i>online learning</i> merupakan satu keperluan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19	4.02
8	Saya mudah memahami perkara yang diajar pensyarah melalui <i>online learning</i>	3.21

9	Melalui <i>online learning</i> , saya dapat menjalankan sesi amali (virtual hands-on) dengan berkesan	3.21
Purata Skor Min		3.58

Jadual 3 menunjukkan taburan skor min bagi setiap item pengetahuan pelajar yang dikaji bagi memenuhi objektif pertama kajian ini. Daripada 9 item yang dikaji, sebanyak 6 item mencatatkan skor min pada tahap yang sederhana. Ini kerana menurut sumber Landell skor min di antara 2.34-3.67 adalah merupakan tahap kecenderungan yang sederhana. Manakala 3 item mencatatkan skor min pada tahap tinggi. Skor min keseluruhan bagi tahap pengetahuan pelajar terhadap *online learning* adalah sebanyak 3.58 dan berada pada tahap sederhana. Antara item yang mencatatkan skor min yang paling rendah daripada 9 item tersebut ialah '*saya mudah memahami perkara yang diajar pensyarah melalui online learning*'. Di samping itu, item no 9 iaitu '*melalui online learning, saya dapat menjalankan sesi amali (virtual hands-on) dengan berkesan*.' turut mencatatkan skor min yang terendah daripada item-item yang lain. Pelajar-pelajar kolej komuniti kurang berpengetahuan dan lebih bersedia untuk menjalani pentaksiran berterusan secara *face to face* sepertimana di dalam kelas. Ini menunjukkan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang kurang memiliki pengetahuan dan belum bersedia terhadap pembelajaran atas talian ataupun *online learning*. Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang perlu didedahkan dengan pembelajaran digital menggunakan teknologi atas talian secara lebih kerap agar masalah sebegini dapat ditangani. Daripada kajian lepas, terdapat sebahagian pelajar yang telah sebatikan dengan kaedah tradisional dan sukar untuk membuat penyesuaian dengan teknologi instruksional [9]. Pemerkasaan pengajaran dan pembelajaran *online learning* dalam kalangan pelajar perlu dibuat agar dapat bergerak seiring dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain.

Dapatan Skor Min Fasiliti Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Bagi Melaksanakan *Online Learning*

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 20* untuk mendapatkan skor min. Skor min fasiliti yang dimiliki oleh 268 orang pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang dipersembahkan menggunakan jadual dan telah dikaji menggunakan analisa diskriptif. Dapatan kajian yang melibatkan skor min ditakrifkan berdasarkan kepada Sumber Landell 1977. Analisis kajian yang dijalankan pada Bahagian B adalah merujuk kepada objektif kajian 2 iaitu mengenalpasti fasiliti pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang bagi melaksanakan *online learning*. Sebanyak lima soalan telah diajukan untuk mengenalpasti fasiliti yang dimiliki oleh pelajar kolej komuniti. Berikut adalah dapatan skor min tersebut.


Jadual 4 Dapatan Skor Min Fasiliti Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Bagi Melaksanakan *Online learning*

Bil	Item (Fasiliti)	Skor Min
1	Saya mempunyai peranti peribadi selain daripada telefon pintar untuk melaksanakan pentaksiran berterusan secara pembelajaran jarak jauh	3.43
2	Saya menggunakan talian internet tetap (<i>post paid</i>) atau prabayar (<i>pre paid</i>) untuk mencapai maklumat secara <i>online</i> di rumah	3.63
3	Saya mempunyai kelajuan capaian internet yang laju di rumah	3.28
4	Saya menggunakan kuota internet <i>unlimited</i> di rumah	3.27
5	Kawasan rumah saya sesuai bagi pengaksesan internet	3.40
Purata Skor Min		3.44

Jadual 4 menunjukkan taburan skor min bagi setiap item fasiliti yang dikaji bagi memenuhi objektif kedua kajian ini. Daripada 5 item yang dikaji, kesemua item mencatatkan skor min pada tahap yang sederhana. Ini kerana menurut sumber *Landell* skor min di antara 2.34-3.67 adalah merupakan tahap kecenderungan yang sederhana. Skor min keseluruhan bagi faktor fasiliti untuk *online learning* adalah sebanyak 3.44 dan berada pada tahap sederhana. Antara item yang mencatatkan skor min yang paling rendah daripada 5 item tersebut ialah 'saya menggunakan kuota internet unlimited di rumah'. Selain itu item no 3 iaitu 'saya mempunyai kelajuan capaian internet yang laju di rumah' turut mencatatkan skor min yang kedua terendah daripada item-item yang lain. 'Kawasan rumah saya sesuai bagi pengaksesan internet' juga menunjukkan skor min yang ketiga terendah. Mereka kurang yakin dan bersedia untuk menjalani *online learning* disebabkan kesukaran untuk mencapai internet yakni kelajuannya. Ini menyokong pernyataan kajian lepas iaitu kualiti jaringan internet turut menjadi faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap *online learning* [11]. Ini menunjukkan pelajar Kolej Komuniti kurang bersedia mengaplikasikan teknologi atas talian bagi pembelajaran jarak jauh atas faktor fasiliti. Justeru, berketepatan dengan objektif kajian ini yang mana dalam mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara *online learning* sewaktu perintah kawalan pergerakan, faktor fasiliti haruslah diambil kira.

Dapatan Skor Min Sistem/Aplikasi Pilihan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Bagi Melaksanakan *Online Learning*

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Version 20 untuk mendapatkan skor min. Skor min sistem/aplikasi pilihan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang bagi melaksanakan *online learning* dipersembahkan menggunakan jadual dan telah dikaji menggunakan analisa diskriptif. Dapatan kajian yang melibatkan skor min ditakrifkan berdasarkan kepada Sumber *Landell* 1977. Analisis kajian yang dijalankan pada Bahagian B adalah merujuk kepada objektif kajian 3 iaitu mengenalpasti sistem/aplikasi pilihan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang bagi melaksanakan *online learning*. Sebanyak sepuluh soalan telah diajukan untuk mengenalpasti sistem/aplikasi pilihan pelajar. Berikut adalah dapatan skor min tersebut.



Gambar rajah 1 Peratusan Skor Min Sistem/Aplikasi Pilihan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Bagi Melaksanakan *Online learning*.

Gmbar rajah 1 menunjukkan peratusan skor min sistem/aplikasi pilihan pelajar bagi melaksanakan *online learning*. Peratusan tertinggi pilihan pelajar adalah *Microsoft Teams*, dengan peratusan sebanyak 46%, diikuti dengan *Google Meet* sebanyak 33% aplikasi *Zoom* sebanyak 13% dan akhir sekali, *WhatsApp* sebanyak 8%. Daripada data tersebut menunjukkan sebahagian besar pelajar kolej komuniti selesai menggunakan *Microsoft Teams* bagi tujuan *online learning*.

Jadual 5 Dapatan Skor Min Sistem/Aplikasi Pilihan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Bagi Melaksanakan *Online learning*

Bil	Item (Medium)	Skor Min
1	Sistem/aplikasi tersebut mudah digunakan dan tidak memerlukan kemahiran yang tinggi untuk menggunakannya	3.91
2	Kadar capaian (<i>internet access</i>) sistem/aplikasi tersebut adalah laju	3.62
3	Peranan dan fungsi sistem/aplikasi tersebut adalah jelas	3.79
4	Penggunaan sistem/aplikasi tersebut mendapat sambutan dalam kalangan kawan – kawan saya	3.80
5	Berkeyakinan menggunakan sistem/aplikasi tersebut	3.84
6	Sistem/aplikasi tersebut menyediakan platform untuk menyimpan, menilai dan berkongsi kandungan digital secara online	3.87
7	Sistem/aplikasi tersebut adalah mesra pengguna	3.82
8	Interaksi dua hala adalah lebih berkesan diantara pensyarah dan pelajar	3.80
9	Saya menonton semula video pengajaran di aplikasi tersebut	3.75
Purata Skor Min		3.80

Jadual 5 menunjukkan taburan skor min bagi setiap item medium pembelajaran pilihan pelajar dan keberkesannya yang dikaji bagi memenuhi objektif ketiga kajian ini. Daripada 9 item yang dikaji, hanya 1 item item mencatatkan skor min pada tahap yang sederhana. Ini kerana menurut sumber *Landell* skor min di antara 2.34-3.67 adalah merupakan tahap kecenderungan yang sederhana dan julat di antara 3.67-5.00 adalah merupakan tahap kecenderungan yang tinggi. Skor min keseluruhan bagi aspek medium pilihan untuk *online learning* adalah sebanyak 3.8 dan berada pada tahap tinggi. Antara item yang mencatatkan skor min yang paling rendah daripada 9 item tersebut ialah item no 2 iaitu '*kadar capaian (internet access) sistem/aplikasi tersebut adalah laju*' turut mencatatkan skor min terendah daripada item-item yang lain dan mencatatkan julat skor min sederhana iaitu 3.62. Ini menyokong pernyataan kajian lepas iaitu kualiti jaringan internet turut menjadi faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap *online learning* [11]. Daripada analisis di atas dapat disimpulkan bahawa sekiranya sistem aplikasi yang dipilih bersesuaian dengan kaedah dan modul pembelajaran, maka sesi pembelajaran secara *online learning* akan menjadi lebih berkesan.

Dapatan Perbezaan Skor Min Tahap Penerimaan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Terhadap *Online Learning* Bagi Pelajar Teknikal Dan Bukan Teknikal

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS Version 20* untuk mendapatkan perbezaan skor min. Perbezaan skor min bagi 268 orang pelajar yang daripada bidang teknikal dan bukan teknikal terhadap *online learning* dipersembahkan menggunakan jadual dan telah dikaji menggunakan analisa inferensi Ujian Anova Sehalu. Analisis kajian yang dijalankan ini adalah merujuk kepada objektif kajian 4 iaitu mengenalpasti perbezaan tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning* bagi pelajar teknikal dan bukan teknikal. Berikut adalah dapatan analisa tersebut.

Jadual 6 Dapatan Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Terhadap *Online Learning* Bagi Pelajar Teknikal dan Bukan Teknikal

ANOVA					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1211.038	63	19.223	1.206	0.167
Within Groups	3219.221	202	15.937		
Total	4430.259	265			

Berdasarkan Jadual 6, H_0 diterima sebab nilai Sig iaitu $0.167 > 0.05$ dan H_a ditolak. Maka didapati tiada perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning* bagi pelajar teknikal dan bukan teknikal. Justeru dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara taburan 6 program teknikal dan 5 program bukan teknikal bagi tahap penerimaan *online learning* dalam kalangan pelajar. Situasi ini menunjukkan perbezaan program pelajar tidak mempengaruhi penerimaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Keputusan kajian ini selari dengan kajian lepas yang menyatakan perbezaan program dan institusi adalah tidak signifikan dalam pembelajaran jarak jauh secara atas talian [12]. Namun kajian lain seumpama ini yang memfokuskan kepada penggunaan e-pembelajaran didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara program pelajar dalam menggunakan e-pembelajaran [9]. Walau bagaimanapun, kajian beliau adalah terhadap pelajar yang mengikuti kursus masing-masing. Oleh itu, berkemungkinan tahap kesukaran penggunaan e-pembelajaran adalah berbeza bergantung pada kursus masing-masing. Ini seterusnya menyumbang kepada perbezaan yang signifikan antara program.

Dapatan Perbezaan Skor Min Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap *Online Learning* Mengikut Kolej

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS Version 20* untuk mendapatkan perbezaan skor min. Perbezaan skor min bagi 268 orang pelajar yang terdiri dari 6 buah kolej iaitu Kolej Komuniti Seberang Jaya, Kolej Komuniti Kepala Batas, Kolej Komuniti Tasek Gelugor, Kolej Komuniti Bayan Baru, Kolej Komuniti Nibong Tebal dan Kolej Komuniti Bukit Mertajam terhadap *online learning* dipersembahkan menggunakan jadual dan telah dikaji menggunakan analisa inferensi Ujian Anova Sehalu. Analisis kajian yang dijalankan ini adalah merujuk kepada objektif kajian 5 iaitu mengenal pasti perbezaan tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning* berdasarkan kolej. Berikut adalah dapatan analisa tersebut.

Jadual 7 Dapatan Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang Terhadap *Online Learning* Berdasarkan Kolej

ANOVA					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	143.893	61	2.359	0.930	0.621
Within Groups	433.678	171	2.536		
Total	577.571	232			

Berdasarkan Jadual 7, H_0 diterima sebab nilai Sig iaitu $0.621 > 0.05$ dan H_a ditolak. Maka didapati tiada perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerimaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang terhadap *online learning* berdasarkan kolej. Justeru dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara taburan 6 buah kolej bagi tahap penerimaan *online learning*

dalam kalangan pelajar. Situasi ini menunjukkan perbezaan gaya pengajaran dan pembelajaran di kolej tidak mempengaruhi penerimaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Keputusan kajian ini selari dengan kajian lepas yang menyatakan perbezaan program dan institusi adalah tidak signifikan dalam pembelajaran jarak jauh secara atas talian [12].

KESIMPULAN

Pembelajaran secara *online learning* didapati mempunyai banyak kelebihan untuk memperkasakan rekabentuk sistem pendidikan yang baru di Kolej Komuniti dan Politeknik. Pembelajaran ini boleh diaplikasikan berdasarkan saranan JPPKK dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 iaitu *Technology in the 21st Century Classroom (applying the best learning method)*. Ia merupakan gaya pembelajaran melalui teknologi atas talian disamping cara konvensional yang bersemuka dalam kelas. Pembelajaran sedemikian akan lebih difokuskan kepada *Students-centered learning* iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar. Ia akan mewujudkan suasana pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar tanpa bimbingan dan bantuan terus yang secara bersemuka daripada pensyarah. Maka pelajar akan lebih berusaha sendiri untuk menangani sesuatu masalah dalam pembelajaran. Secara umumnya, skor min keseluruhan bagi tahap kesediaan pelajar adalah 3.58 dan berada dalam julat sederhana serta ia menunjukkan pelajar kurang bersedia menerima sistem pembelajaran secara *online learning* tanpa mengira perbezaan taburan program dan kolej. Dapatan kajian dapat memberi input kepada pihak Kolej Komuniti Pulau Pinang mahupun JPPKK bahawa pelajar kolej komuniti masih kurang bersedia 100% untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian menggunakan teknologi-teknologi terkini. Ini kerana mereka tidak diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya bagi memastikan pelaksanaan tersebut. Justeru, usaha yang berterusan harus dilakukan bagi menggalakkan pembangunan modul pembelajaran yang berasaskan atas talian untuk mencapai matlamatnya. Pensyarah harus mewujudkan platform bagi pelajar untuk meneroka penggunaan teknologi terkini dalam pembelajaran. Ini adalah seiring dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ketika Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3 [5]. Dicapai agar kajian seterusnya akan cuba membangunkan model dan modul pembelajaran berasaskan pembelajaran jarak jauh yang menggunakan konsep *online learning* disamping *blended learning*.

RUJUKAN

- [1] Ahmad Johari dan Norbaizura. (2010). Perlaksanaan E-Pembelajaran Dikalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Di akses dari https://www.researchgate.net/publication/49910576_Perlaksanaan_EPembelajaran_Dikalangan_Pelajar_Fakulti_Pendidikan_Dan_Fakulti_Kejuruteraan_Mekanikal_Universiti_Teknologi_Malaysia_Skudai.
- [2] Chitthra, Nor Amalina dan Saiful. (2020). Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Jarak Jauh (*Remote Learning*) Di Kolej Komuniti. *Prosiding National Technology Research in Engineering, Design & Social Science 2020 (Ntrends'20)*, 1(72) [598-609].
- [3] Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Dan Penilaian Program Pengajian Diploma Dan Sijil Bagi Sesi Disember 2019.
- [4] Guru perlu bersedia tempuh cabaran revolusi industry. (2019). Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/05/563340/>.
- [5] Kenyataan Media. Pesanan Kepada Pelajar Institut Pengajian Tinggi Berikutan Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3.
- [6] Kepentingan Menguasai Kemahiran Teknologi Maklumat (ICT). (2015). Diakses dari <http://itaothman.weebly.com/>.

- [7] Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- [8] Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor, Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Diakses dari <http://www.penerbit.utm.my/cgi-bin/katalog/buku.cgi>.
- [9] Mohd Ery Johaizal Bin Ramli. (2009). Hubungan antara tahap kesediaan pembelajaran arahan sendiri dengan tahap penggunaan e-pembelajaran di kalangan pelajar di universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat. (Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia). Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia). Diakses dari <http://www.slideshare.net/tembuakar1/hubungan-antara-tahap-kesediaan-pembelajaran-arahan-sendiri-dengan-tahap-penggunaan-epembelajaran>.
- [10] Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia. Di akses dari https://www.researchgate.net/publication/342886967_PANDEMIK_CORONAVIRUS_COVID-19_PEMBELAJARAN_DAN_PENGAJARAN_SECARA_ATAS_TALIAN_SUATU_KEPERLUAN_DI_MALAYSIA.
- [11] Noraffandy Yahaya & Ling Ning Ning. (2011). Kesediaan Penggunaan *E-Learning* Di Kalangan Pelajar Tahun Kedua Kursus Sarjana Muda Sains, Komputer Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia - Satu Tinjauan. Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor. Diakses dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/12147/3/>.
- [12] Norasyikin binti Osman. (2016). Hubungan Kesediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Berasaskan Blended Learning Berdasarkan Jantina Dan Program. *Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 4, Isu 2.
- [13] Norliza Binti A. Rahim. (2013). Penggunaan *Mobile Learning (M-Learning)* Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Uthm. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Diakses dari <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/5372/>.
- [14] Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025. Diakses dari <https://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/penerbitan/jppkk>.
- [15] Siti Balqis Mahlan, dan Muniroh Hamat. (2020). Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Diakses dari <https://appspenang.uitm.edu.my/buletin%20jskm/2020-2/Articles/PENGAJARAN%20DAN%20PEMBELAJARAN%20DALAM%20TALIAN%20SEMASA%20PERINTAH%20KAWALAN%20PERGERAKAN.pdf>